

*Our Marriage Vows - I promise to love you,
honour you, comfort you and keep you
in sickness and in health and be faithful
to you so long as we both shall live.*

Proses Perkahwinan Sekali Imbas

3 langkah untuk berkahwin di Singapura:


Fail Notis Perkahwinan
melalui lelaman
(<http://www.rom.gov.sg>)



Pergi ke Pejabat Pendaftaran Perkahwinan untuk
Mengesahkan Dokumen dan bagi Penyisytiharan
Berkanun
(**hanya dengan temujanji sahaja**)



Pada hari perkahwinan, langsungkan upacara
perkahwinan yang disahkan oleh pegawai yang berlesen
untuk merasmikan perkahwinan dan di depan 2 saksi



*Our Marriage Vows - I promise to love you,
honour you, comfort you and keep you
in sickness and in health and be faithful
to you so long as we both shall live.*

Keperluan bagi Perkahwinan


Tinggal Selama 15 Hari di Singapura

- Jika mana-mana pihak dalam perkahwinan yang dirancang bukan warganegara atau penduduk tetap Singapura, sekurang-kurangnya salah satu pihak ini telah hadir secara fizikal di Singapura untuk tempoh sekurang-kurangnya 15 hari sebelum tarikh notis.
- 15 hari itu tidak semestinya hari-hari yang berterusan atau sejurus sebelum tarikh notis.

Umur Pasangan

- Pasangan mesti berumur 21 tahun ke atas.
- Kedua-dua pihak tidak berumur di bawah 18 tahun.
- Jika satu pihak berumur lebih daripada 18 tahun dan di bawah 21 tahun dan belum berkahwin sebelum ini, ibu bapa atau penjaga sah pihak bawah umur itu mesti memberi keizinan kepada perkahwinan itu.
- Berkesan untuk pasangan berkahwin pada dan selepas 1 Oktober 2016, pasangan di mana sekurang-kurangnya satu pihak berumur 18 tahun ke atas dan di bawah 21 tahun mesti menghadiri Program Persediaan Perkahwinan yang dijalankan oleh sebuah pertubuhan yang diluluskan MSF.
- Jika kedua-dua pihak berumur lebih daripada 18 tahun dan di bawah 21 tahun, selain keizinan yang perlu diberikan oleh ibu bapa kedua-dua pihak atau penjaga sah mereka, pasangan tersebut mesti menghadiri Program Persediaan Perkahwinan yang dijalankan oleh sebuah pertubuhan yang diluluskan MSF.
- Jika satu pihak di bawah umur 18 tahun, pasangan itu harus memohon Lesen Perkahwinan Khas. (Sila jumpa Pejabat Pendaftaran Perkahwinan bagi maklumat lanjut).

Tiada penghalang undang-undang kepada perkahwinan



*Our Marriage Vows - I promise to love you,
honour you, comfort you and keep you
in sickness and in health and be faithful
to you so long as we both shall live.*

Status Perkahwinan


- Tiada pihak yang kini berkahwin dengan mana-mana orang lain.
- Seseorang yang pernah berkahwin sebelumnya harus memastikan bahawa perkahwinan tersebut telah dibubarkan secara sah.
- Duda/Janda yang berkahwin sekali lagi mesti membuat Pengisytiharan Berkanun mengenai sama ada mereka mempunyai perintah pemberian nafkah yang sedia ada dan sama ada mereka membayar nafkah tepat pada waktunya atau menanggung tanggakan terhadap nafkah.

Fail Notis Perkahwinan

Pasangan perlu memberi notis perkahwinan yang dirancangkan kepada Pejabat Pendaftaran Perkahwinan. Anda boleh menggunakan e-Khidmat Pejabat Pendaftaran Perkahwinan dari keselesaan rumah anda dan pada waktu yang anda senangi. Bagi pasangan yang memerlukan bantuan mengenai e-Khidmat, anda boleh pergi ke mana-mana Pusat CitizenConnect yang berdekatan dengan rumah anda atau pergi ke e-Kios di Bangunan Pejabat Pendaftaran Perkahwinan.

Tempoh Notis

- Tempoh notis 21 hari diperlukan.
Misalnya, jika pasangan fail notis perkahwinan mereka pada 1 Sep dan memberi notis 21 hari, tarikh perasmian perkahwinan yang paling awal adalah 23 Sep.
- Notis perkahwinan mempunyai tempoh kesahan selama 3 bulan.
Misalnya, jika pasangan fail notis perkahwinan pada 1 Sep, tarikh perasmian perkahwinan yang paling lewat atau tarikh tamat tempoh notis adalah 1 Dis.



*Our Marriage Vows - I promise to love you,
honour you, comfort you and keep you
in sickness and in health and be faithful
to you so long as we both shall live.*

Dokumen Yang Diperlukan

- Kad Pengenalan (bagi Warga Singapura/Penduduk Tetap Singapura) atau Pasport (bagi warga asing) pengantin lelaki, pengantin perempuan dan 2 saksi yang berumur 21 tahun ke atas
- Borang Keizinan Pegawai Yang Merasmikan Perkahwinan (bagi upacara perkahwinan di luar Pejabat Pendaftaran Perkahwinan)
- Kad kredit bagi memfail notis melalui lelaman; atau NETs/Kad Tunai bagi memfail notis di e-Kios di Pejabat Pendaftaran Perkahwinan
- Jika perlu, sijil kematian mendiang isteri/suami atau surat perceraian [iaitu Sijil Dekri Nisi Mutlak / Sijil Kehakiman Interim Muktamad yang dikeluarkan oleh mahkamah]

Yuran Yang Perlu Dibayar

Lesen Perkahwinan	Bagi Warga Singapura / Penduduk Tetap Singapura	Kedua-duanya Warga Asing
- Hari Kerja	\$26	\$128
- Sabtu, Ahad, Cuti Awam	\$26	\$198
- Tarikh Popular	\$26	\$298

Untuk Maklumat Lanjut

Harap ambil perhatian bahawa ini adalah panduan bagi kes-kes umum. Maklumat untuk mendaftar perkahwinan sivil di Singapura boleh didapati di www.rom.gov.sg. Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan lain, harap hubungi kami di talian segera kami: 6338 7808.

